

EDISI
OKTOBER -
DISEMBER 2025

NAHDAH

BERITA WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA



WWW.WADAH.ORG.MY





PROGRAM KASIH UMAT (PKU) SIRI KE-17 DI DUN PERMATANG PASIR

PERMATANG RAWA, 11 OKTOBER 2025 - Program Kasih Umat (PKU) Siri ke-17 diadakan di dalam lokaliti Permatang Rawa Mukim 8, DUN Permatang Pasir. Program dimulakan dengan perkongsian tentang peranan Pusat Tunas Nahdah dalam membangun masyarakat. Tazkirah ringkas dan sumbangan Pek Ceria Dapur (PCD) pula telah disempurnakan oleh Ustaz Zayd Zhari, Pengarah Pusat Islam.

MESYUARAT SEKRETARIAT WADAH PUSAT BIL. 8



SG MERAB, 6 OKTOBER 2025 - Mesyuarat Bulanan Sekretariat Wadah Pusat bersama Setiausaha Agung WADAH, Tuan Haji Azizuddin telah diadakan di Anjung Rahmat. Mesyuarat kali ini lebih memfokuskan kepada penyelarasan gerak kerja jawatankuasa yang terlibat serta persiapan Muktamar Nasional (MUKNAS) WADAH yang akan dilaksanakan pada bulan November 2025.

PERTEMUAN ANTARA PIMPINAN WADAH BERSAMA PRESIDEN DEWAN PERNIAGAAN MELAYU MALAYSIA (DPMM)

KUALA LUMPUR, 8 OKTOBER 2025 - Satu pertemuan rasmi telah diadakan antara Pimpinan Wadah Bersama dengan Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) pada 8 Oktober 2025. Pertemuan ini telah dihadiri oleh Presiden Wadah Bersama dan Setiausaha Agung Wadah Bersama. Tujuan pertemuan adalah untuk memperkukuh hubungan kerjasama strategik serta membincangkan potensi kolaborasi dalam usaha memperkasa pembangunan ekonomi dan keusahawanan Melayu di peringkat nasional.



JOM DAFTAR
AHLI WADAH



SCAN UNTUK
SUMBANGAN



PERSATUAN WADAH
PENCERDASAN UMAT M'SIA

PERBINCANGAN PROGRAM DAN TAKLIMAT FASILITATOR KEM TAHSIN SOLAT



SG MERAB, 10 OKTOBER 2025 - Satu perbincangan program dan taklimat fasilitator bagi Kem Tahsin Solat telah diadakan di Anjung Rahmat. Sesi ini bertujuan untuk menyelaraskan perjalanan program serta memberikan penerangan terperinci berkenaan tanggungjawab dan peranan setiap fasilitator sepanjang kem berlangsung.

Taklimat ini turut membincangkan aspek pengurusan peserta, tentatif program, kaedah pengajaran dan pendekatan terbaik dalam memastikan objektif Kem Tahsin Solat tercapai dengan berkesan. Perbincangan berjalan dengan lancar dan semua fasilitator telah bersetuju dengan pembahagian tugas serta pelaksanaan aktiviti yang telah dirancang.

KEM TAHSIN SOLAT ANJURAN WADAH, PUSAT TUNAS NAHDAH SEPANG DAN PUSAT INFAQ WADAH (PIW)

SG MERAB, 11 OKTOBER 2025 - Kem Tahsin Solat telah berjaya dilaksanakan pada 11 Oktober 2025 bertempat di Anjung Rahmat. Program ini merupakan anjuran bersama oleh WADAH, Pusat Tunas Nahdah Sepang, dan Pusat Infaq WADAH (PIW).

Seramai 34 orang peserta telah menyertai kem ini, terdiri daripada pelajar sekolah rendah dan menengah. Objektif utama program ini adalah untuk memperkasakan pemahaman dan penghayatan para peserta terhadap aspek-aspek penting dalam ibadah solat, termasuk dari su-

dut bacaan, teori dan praktikal solat.

Sepanjang kem berlangsung, para peserta didedahkan dengan pelbagai slot pengisian seperti pengukuhan asas rukun solat, bacaan dalam solat, serta latihan praktikal yang dibimbing secara langsung oleh fasilitator. Modul yang digunakan telah disusun secara sistematik dan sesuai mengikut peringkat umur peserta.

Program ini turut mendapat kerjasama yang baik daripada para fasilitator yang telah mengikuti taklimat pada 10 Oktober 2025, sehari sebelum program berlangsung. Keseluruhan perjalanan kem berjalan lancar dan mendapat maklum balas positif daripada peserta serta pihak penganjur.



MUKTAMAR WADAH NEGERI KELANTAN

KOTA BHARU, 11 OKTOBER 2025 - Mukhtar Negeri Kelantan telah diadakan pada 11 Oktober 2025 di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Kota Bharu dengan tujuan menghimpunkan para perwakilan bagi membincangkan hal ehwal pentadbiran, dasar serta perancangan strategik organisasi. Timbalan Presiden WADAH, Ustaz Hasri Harun turut hadir ke sidang muktamar tersebut.



PERTEMUAN ANTARA PENGURUSI MAJLIS SYURA KEBANGSAAN (MSK) BERSAMA PIMPINAN WADAH KELANTAN

KOTA BHARU, 11 OKTOBER 2025 - Pertemuan antara Pengerusi Majlis Syura Kebangsaan (MSK), Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman bersama pimpinan Wadah Kelantan telah diadakan pada 11 Oktober bertujuan membincangkan isu-isu semasa serta memperkukuh kerjasama strategik antara kedua-dua pihak.



MUKTAMAR WADAH NEGERI SARAWAK



KUCHING, 11 OKTOBER 2025 - Mukhtar Wadah Negeri Sarawak telah diadakan pada 11 Oktober, dirasmikan oleh Haji Yusop Hasan, Naib Presiden Wadah, bagi membincangkan hal ehwal pentadbiran serta memperkukuh perancangan strategik organisasi di peringkat negeri.

SEMINAR PEMIKIRAN SIDDIQ FADZIL SEMPENA MUKTAMAR NEGERI WADAH KELANTAN

KOTA BHARU, 11 OKTOBER 2025 - Seminar Pemikiran Siddiq Fadzil sempena Muktamar Negeri Wadah Kelantan telah diadakan pada 11 Oktober 2025 bertempat di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Kota Bharu dengan tujuan memperkukuh kefahaman serta penghayatan terhadap pemikiran dan sumbangan beliau dalam bidang pemikiran Islam dan pembangunan masyarakat.



KUNJUNGAN UKHUWAH PENERUSI MAJLIS SYURA KEBANGSAAN (MSK) KE PUSAT TUNAS NAHDAH TUMPAT

TUMPAT, 12 OKTOBER 2025 - Pengerusi Majlis Syura Kebangsaan (MSK), Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman telah mengadakan kunjungan ukhuwah ke Pusat Tunas Nahdah, Tumpat telah diadakan pada 12 Oktober bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim serta meninjau perkembangan dan aktiviti pusat berkenaan.



MUKTAMAR WADAH NEGERI SEMBILAN



SEREMBAN, 12 OKTOBER 2025 - Muktamar Wadah Negeri Sembilan telah diadakan pada 12 Oktober bertempat di Sri Seremban dengan tujuan membincangkan hal ehwal pentadbiran serta merangka perancangan dan hala tuju organisasi di peringkat negeri. AJKP WADAH, Ustazah Hajah Nordiran Idris turut hadir ke sidang muktamar tersebut.



SYARAHAN PERDANA MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN: SIYASAH SYAR'IYYAH DALAM KERANGKA MASYARAKAT MAJMUK

SEREMBAN, 12 OKTOBER 2025 - Syarahan Perdana Mufti Wilayah Persekutuan bertajuk "Siyasah Syar'iyah dalam Kerangka Masyarakat Majmuk" telah berlangsung dengan jayanya di Seremban sempena program Ijtima' Harakiy Negeri Sembilan pada. Syarahan ini telah disampaikan oleh Sahibus Samahah Mufti Wilayah Persekutuan, yang dijemput khas bagi menyampaikan pandangan serta pencerahan ilmiah berkenaan peranan dan pelaksanaan siyasah syar'iyah dalam konteks negara Malaysia yang berbilang kaum dan agama.



SCAN UNTUK
SUMBANGAN



DuitNow
QR



PERSATUAN WADAH
PENCERDASAN UMAT M'SIA

JOM DAFTAR
AHLI WADAH



SIDANG MUKTAMAR NASIONAL WADAH KE-19 (MUKNAS19) PERKASA HALA TUJU BARU MEMPERKASA UMAT

SEBERANG JAYA, 28 NOVEMBER 2025 – Sidang Pertama Muktamar Nasional (MUKNAS) kali ke-19 Wadah Pencerdasan Umat (MUKNAS19) berlangsung dengan lancar bermula 28 November di Dewan Wisma Al-Ansar, Masjid Al-Muhajirin, Seberang Jaya, Pulau Pinang. MUKNAS19 yang akan berlangsung selama 3 hari ini menghimpunkan perwakilan dan pemerhati dari seluruh negara bagi memperkukuh WADAH sebagai gerakan Islam yang membawa agenda pencerdasan umat.

MUKNAS19 menjadi medan muhasabah WADAH bagi sesi kali ini, sementara ia juga berfungsi sebagai platform perancangan gerak kerja untuk tahun mendatang. Muktamirin dan muktamirat mengikuti pelbagai sesi termasuk sidang utama, forum, kuliah, dan sesi interaksi yang dirancang untuk memperteguh kefahaman serta hala tuju organisasi, serta mengangkat tema: “Malaysia Memimpin: Agenda Islah, Ketahanan Tamadun & Tajdid Ummah.”



MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM UKHUWAH “MEMBUGAR PERJUANGAN, MEMBANGUN NAHDAH” MERIAH DI PULAU PINANG



PULAU PINANG, 28 NOVEMBER 2025 – Dewan Bizmilla, Seberang Jaya, menjadi saksi kemeriahan Majlis Jamuan Makan Malam Ukhawah bertemakan “Membugar Perjuangan, Membangun Nahdah”. Acara ini dihadiri oleh 530 orang perwakilan dan pemerhati dari seluruh negara, menandakan semangat ukhuwah dan komitmen yang kukuh dalam kalangan pendukung gerakan. Majlis Jamuan Makan Malam Ukhawah ini dianjurkan khas untuk menghargai muktamirin dan muktamirat serta generasi awal perjuangan, di samping mengukuhkan hubungan ukhuwah antara satu sama lain.

Dalam ucapan Dato’ Haji Ahmad Azam Ab. Rahman, Presiden WADAH, beliau menzahirkan penghargaan kepada generasi 80-an, yang disifatkan sebagai generasi emas kerana komitmen dan istiqamah perjuangan mereka dalam membangunkan gerakan. Beliau turut menegaskan bahawa pengorbanan generasi awal tidak pernah sia-sia, malah menjadi asas lahirnya kepimpinan utama negara; Perdana Menteri Malaysia ke-10, Dato’ Seri Anwar Bin Ibrahim.



FORUM “MEMOIR PERJUANGAN” KUPAS SEJARAH GERAKAN DAN SUMBANGAN TOKOH AWAL



SEBERANG JAYA, 28 NOVEMBER 2025 – Forum Memoir Perjuangan yang berlangsung di Dewan Bizmilla, Seberang Perai, mengupas perjalanan panjang dan sumbangan besar generasi awal gerakan, menampilkan dua tokoh berpengaruh sebagai panelis, iaitu Dr. Abdul Halim El-Muhammady dan YB Senator Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman.

Panelis pertama, Dr. Abdul Halim El-Muhammady, menyentuh tentang sejarah ketekunan dan istiqamah generasi lama yang terus berjuang sejak usia muda meskipun kini tubuh semakin dimamah usia. Dalam perkongsiannya, beliau meluahkan bahawa masih banyak cita-cita dakwah yang ingin direalisasikan. Antara hasrat besarnya ialah menubuhkan sebuah pusat dakwah di kawasan yang mempunyai ramai pengunjung bukan Muslim. Impian tersebut akhirnya tercapai melalui penubuhan Outreach Oasis ABIM di Bukit Bintang, yang kini menjadi medium penting dalam memperluas dakwah di tengah-tengah komuniti bandar.

Sesi kedua yang dibentangkan oleh Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan Othman membawa peserta mengimbuai kembali detik-detik penting era 1980-an. Ujar beliau, tahun 1982, menjadi titik perubahan kepada pembinaan generasi muda yang lebih memahami Islam secara mendalam setelah pelantikan Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Menteri Pendidikan. Beliau turut menyingkap peranan Ustaz Ghazali dalam memperkenalkan al-Ma'thurat kepada masyarakat kampus dan gerakan mahasiswa.



MAJLIS PERASMIAN DAN PEMBENTANGAN AMANAT PIMPINAN MALAYSIA MEMIMPIN: AGENDA ISLAH, KETAHANAN TAMADUN DAN TAJDID UMMAH



29 SEBERANG JAYA, PULAU PINANG — Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) telah menganjurkan Majlis Perasmian dan Pembentangan Amanat Pimpinan bertemakan “Malaysia Memimpin: Agenda Islah, Ketahanan Tamadun dan Tajdid Ummah” sempena FORUM MADANI DAN KEAMANAN GLOBAL: HARMONI DALAM KEPELBAGAIAN sebagai wadah penting memperkukuh wacana kepimpinan, pemikiran dan hala tuju gerakan Islam di Malaysia.

Majlis ini menghimpunkan pimpinan jamaah, tokoh ilmuwan, aktivis masyarakat serta generasi muda bagi membincangkan keperluan agenda islah yang berterusan, pengukuhan ketahanan tamadun umat, serta usaha tajdid ummah yang relevan dengan cabaran semasa negara dan dunia Islam.

Penganjuran majlis ini diharap dapat menyemarakkan semangat pembaharuan, memperkasa kepimpinan berteraskan nilai Islam serta mengukuhkan peranan WADAH dan rakan-rakan strategik dalam membina masa depan ummah dan negara yang lebih sejahtera dan berdaya tahan.



FORUM MADANI DAN KEAMANAN GLOBAL: HARMONI DALAM KEPELBAGAIAN



SEBERANG PERAI, 29 NOVEMBER 2025 – Forum Madani tegaskan kepelbagaian sebagai kekuatan, menonjolkan dialog serantau, fiqh ta'ayush dan pendekatan inklusif untuk membina budaya damai dan keharmonian masyarakat. Lebih 600 orang muktamirin dan muktamirat berhimpun di Dewan Wisma Al-Ansar, Masjid Al-Muhajirin, Seberang Perai bagi menghadiri Forum Madani dan Keamanan Global: Harmoni dalam Kepelbagaian yang menghimpunkan tokoh akademik dan pemimpin serantau dari Malaysia, Thailand, Filipina dan Cambodia. Forum ini menegaskan bahawa kepelbagaian adalah kekuatan yang mampu memperkukuh keharmonian, memupuk toleransi antara agama, dan membina masyarakat majmuk yang stabil serta inklusif.

Forum yang dikendalikan oleh Prof. Madya Dr. Ahmad El-Muhammady ini memberi fokus kepada perbahasan isu polarisasi dan geopolitik global, di samping menggali pendekatan fiqh ta'ayush dalam usaha membina model budaya damai yang sesuai dengan realiti masyarakat majmuk Malaysia. Forum ini juga telah menampilkan barisan panel berwibawa yang terdiri daripada pelbagai negara iaitu YB Senator Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman selaku Ahli Dewan Negara, Prof. Dr. Pakorn Priyakorn dari Thailand, Secretary Sheikh Dr. Sabuddin N. Abdurahim dari Filipina dan H.E. Neak Oknha Datuk Dr. Othman Hassan dari Kemboja.



ROUND TABLE DISCUSSION: REGIONAL COOPERATION & THE MAQASID AGENDA



PULAU PINANG, 29 NOVEMBER 2025

— Satu Round Table Discussion (RTD) bertajuk “Regional Cooperation & the Maqasid Agenda: Strengthening Peaceful Coexistence & Madani Development in ASEAN & the Muslim World” telah berjaya dianjurkan sebagai platform wacana strategik membincangkan kerjasama serantau berteraskan Maqasid Syariah, keamanan bersama dan pembangunan Madani.

Perbincangan ini menghimpunkan tokoh akademik, pemimpin masyarakat serta wakil organisasi bagi bertukar pandangan mengenai usaha memperkukuh kehidupan bersama secara aman, kerjasama antara negara ASEAN dan dunia Islam, serta pendekatan pembangunan yang inklusif dan berteraskan nilai kemanusiaan sejagat.

RTD ini diharap dapat menyumbang kepada pengukuhan jaringan kerjasama strategik dan memperkasa peranan Malaysia sebagai pemudah cara dialog, keamanan dan pembangunan lestari di peringkat serantau dan antarabangsa.



KULIAH PERDANA & PELANCARAN TABUNG PALESTIN ABIM SEMPENA MUKTAMAR NASIONAL WADAH KALI KE-19



29 NOVEMBER 2025, MASJID AL-MUHAJIRIN, SEBERANG JAYA- Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) telah menganjurkan Kuliah Perdana sempena Muktamar Nasional WADAH sebagai wadah pengisian ilmu dan pencerahan pemikiran kepada para perwakilan serta masyarakat awam sekitar seberang jaya. Kuliah disampaikan oleh Mufti Melaka Datuk Wira Hj. Abdul Halim bin Tawil dan Prof. Madya Dr. Mohd Sukki bin Othman.



Kuliah Perdana ini menekankan kepentingan pengukuhan pemikiran Islam yang seimbang, peranan jamaah dalam mendepani cabaran semasa, serta keperluan memperkasa agenda dakwah dan pembinaan ummah secara berterusan.

Penganjuran kuliah ini diharap dapat menyemarakkan budaya ilmu, memperkukuh kefahaman serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga WADAH untuk terus berperanan aktif membangunkan ummah dan negara.



QIYAMULLAIL PERDANA DAN KULIAH SUBUH SEBAGAI PENEGUH PERJUANGAN

SEBERANG JAYA, 30 NOVEMBER 2025 - Qiyamullail atau solat malam adalah satu manifestasi kehambaan kepada Yang Maha Esa serta puca kekuatan setiap daie. Justeru, WADAH memanfaatkan MUKNAS yang sedang berlangsung dengan menganjurkan Qiyamullail (pimpinan Ustaz Zayd Zhari) dan juga Kuliah Subuh Perdana (disampaikan oleh Dr. Amir Nason) sebagai peneguh perjuangan.



SEBERANG JAYA, 29 - 30 DISEMBER 2025 - Keberadaan seluruh keluarga besar WADAH dimanfaatkan dengan penganjuran satu program berimpak tinggi untuk meraikan komuniti setempat. Expo Semarak Nahdah ini disasarkan buat pertama kali seiring dengan MUKNAS demi menghampiri, meraikan dan merasakan setiap denyut nadi rakyat. Pelbagai acara menarik untuk menyentuh setiap lapisan generasi diadakan seperti pameran agensi, gerai jualan usahawan, sukan rakyat, pertandingan mewarna, pemeriksaan kesihatan dan taklimat bisnes. Sambutan daripada penduduk dalam Parlimen Permatang Pauh amnya dan Seberang Jaya khususnya adalah amat memberangsangkan.

EKSPLO SEMARAK NAHDH



SEMINAR WANITA SEJAHTERA, ANGGUN DAN WIBAWA

BUKIT MERTAJAM, 23 NOVEMBER 2025

– Seminar Wanita Sejahtera, Anggun & Wibawa yang diadakan di Dewan Aminuddin Baki, Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Tuanku Bainun hari ini berjaya menghimpunkan hampir 300 peserta daripada pelbagai latar belakang termasuk guru, mahasiswa, wakil NGO, persatuan orang pekak, ibu tunggal dan masyarakat awam. Program anjuran SALWA Pulau Pinang dengan kerjasama Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM), IPG Kampus Tuanku Bainun, IPG Kampus Pulau Pinang, Koperasi Ibu Tunggal dan Wanita Seberang Perai Tengah Berhad, Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang serta Pusat Tunas Nahdah Permatang Pauh ini bertujuan memperkasa kesejahteraan wanita secara holistik merangkumi aspek fizikal, mental, sosial dan spiritual.

Seminar yang berlangsung dari jam 8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari ini dirasmikan oleh Pengarah IPG Kampus Tuanku Bainun, Tuan Haji Mohd Fadzil Mohd Salleh. Majlis turut menyaksikan ucapan aluan oleh Pengerusi SALWA Malaysia, Puan Hajah Nordiran Idris yang menegaskan perlunya inisiatif berterusan untuk meningkatkan literasi kesihatan wanita serta mengatasi stigma berkaitan isu kesihatan mental.

Seminar menampilkan tiga panel pakar yang membentangkan isu-isu kritikal berkaitan wanita iaitu Prof. Madya Ts. Dr. Nur Izura Udzir dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Pakar Perunding Obstetrik dan Ginekologi Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, Dr. Jumaida Abu Bakar dan Pakar Psikiatri Hospital Bukit Mertajam, Dr. Lily Marina Ismail.



PROGRAM BICARA HATI ANJURAN SALWA PERKASA PERANAN WANITA DAN KELUARGA MADANI



BUKIT MERTAJAM, 24 NOVEMBER 2025 -

Program Bicara Hati anjuran SALWA Penang dengan kerjasama SALWA Kedah, Pusat Infaq WADAH serta NGO Ahsanul Amal telah berjaya dianjurkan di Concourse 1, Mydin Bukit Mertajam sebagai sebahagian daripada inisiatif Semarak Nahdah 2025. Program ini menghimpunkan masyarakat setempat

khususnya golongan wanita dan keluarga bagi mendalami isu berkaitan pembangunan sahsiah, emosi dan hubungan kekeluargaan dalam suasana santai namun penuh makna.



Sesi forum kemudian menampilkan barisan panel berwibawa yang berkongsi pandangan mendalam daripada sudut akademik, sosial dan dakwah. Antara panel jemputan ialah Cikgu Haji Hassan bin Ahmad, Peneraju NGO Ahsanul Amal; Dr. Shereeza binti Mohamed Saniff, Pensyarah kanan di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia; serta Nurul Hana binti Mohamed Khairi, Timbalan Ketua SALWA Perak.



SEMINAR MASJID MADANI

BANDAR PERDA, 26 NOVEMBER 2025 -

Program Seminar Masjid MADANI telah diadakan pada 26 November 2025 di Dewan Seminar, Masjid Daerah SPT, Bandar Perda. Melalui program ini, dapat dirumuskan bahawa peranan masjid, terutama di era Malaysia MADANI ini wajar diperkasakan seiring dengan sirah tertubuhnya kerajaan Madinah itu berpusat di masjid. Justeru, WADAH dengan kerjasama YADIM dan IKIM menganjurkan Seminar Masjid MADANI yang melibatkan lebih 100 orang pimpinan masjid dan NGO. Pelbagai topik dibincangkan dengan tuntas, seperti model masjid ummatik di Indonesia, Singapura dan juga ibrah sejarah terkait peranan masjid yang wajib dibugarkan semula.



HADIS HOUR DAN KHUTBAH KHAS DIBACA SERENTAK DI SELURUH MASJID PULAU PINANG



PERMATANG PAUH, 28 NOVEMBER 2025 -

Program yang bersejarah ini menyaksikan buat pertama kali teks khutbah yang dirangka oleh WADAH Pusat telah dipersetujui oleh MAINPP untuk dibaca di seluruh Pulau Pinang. Seramai 18 khatib terpilih dari kalangan pimpinan WADAH Pulau Pinang, Kedah, Kelantan, Perak & Sarawak telah ditugaskan menyampaikan tazkirah hadis pilihan dan khutbah Khas MUKNAS di seluruh masjid di dalam Parlimen Permatang Pauh.



SCAN UNTUK SUMBANGAN



PERSATUAN WADAH
PENCERDASAN UMAT M'SIA

JOM DAFTAR
AHLI WADAH



KENDURI RAKYAT SEMPENA MUKTAMAR NASIONAL WADAH KE-19 (MUKNAS19)

SEBERANG JAYA, 29 NOVEMBER 2025 -

Sebagai sebuah NGO berteraskan masyarakat, WADAH tidak ketinggalan dalam meraikan masyarakat setempat. Satu jamuan rakyat telah diadakan di pekarangan Masjid Al Muhajirin (tempat diadakan MUKNAS) pada 29 November 2025 sebagai penghargaan kepada komuniti yang telah menyambut kehadiran keluarga besar WADAH dari seluruh negara ke bumi Permatang Pauh.



PROGRAM KASIH UMAT (PKU) KHAS SEMPENA MUKTAMAR NASIONAL WADAH

SEBERANG JAYA, 29 NOVEMBER 2025 - Di dalam sela kesibukan perjalanan MUKNAS, golongan asnaf tidak dilupakan. Pusat Tunas Nahdah Permatang Pauh mengambil kesempatan ini untuk berkongsi rezeki kepada 30 penerima di Madrasah Manbaul Anwar, Seberang Jaya. Hadir untuk menyampaikan tazki-rah dan menyampaikan sumbangan Pek Ceria Dapur (PCD) ialah Tn. Hj. Azizuddin Ahmad, Setiausaha Agung WADAH Pusat.



WACANA KETOKOHAN DAKWAH: PEMIKIRAN DAN SUMBANGAN ALMARHUM PROF. MADYA DR. MOHD RUMAIZUDDIN GHAZALI

NILAI, 8 DISEMBER 2025 – Program ilmiah “Wacana Ketokohan Dakwah: Pemikiran dan Sumbangan Almarhum Prof. Madya Dr. Mohd Rumaizuddin Ghazali” telah diadakan di Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) hari ini bagi mengenang ketokohan, pemikiran dan sumbangan besar Almarhum dalam bidang dakwah dan pembangunan masyarakat.

Sebelum sesi wacana berlangsung, Forum Memoir Ketokohan Prof. Madya Dr. Mohd Rumaizuddin Ghazali telah diadakan. Forum ini telah menampilkan tiga orang panel iaitu Sdr. Muhammad Firdaus Faisal, alumni pelajar FKP USIM, Sdr. Muhammad Aliemran Norasid, Naib Presiden ABIM dan Dr. Mohamad Razif Mohamad Fuad, alumni pelajar FKP USIM yang sangat me-

ngenali keperibadian Almarhum Prof. Rumaizuddin.

Majlis diteruskan lagi dengan sesi Wacana bertajuk Ketokohan Dakwah: Pemikiran dan Sumbangan Almarhum Prof. Madya Dr. Mohd Rumaizuddin Ghazali. Wacana ini menghimpunkan tiga panel jemputan terkemuka, iaitu Prof. Dato’ Zulkiple Abd Ghani, Profesor FKP, Dato’ Ahmad Azam Ab Rahman, Presiden WADAH, serta Tuan Haji Zabidi Nasan, Ketua Pegawai Eksekutif YAPEIM. Panel-panel berkenaan berkongsi kupasan mengenai pemikiran, metodologi dakwah dan impak sosial Almarhum, termasuk peranan beliau dalam membina jaringan ilmu dan kepimpinan masyarakat.

Setelah itu, majlis diteruskan dengan

sesi ucapan penghargaan oleh YBhg. Ts. Dr. Sharifuddin Md Shaarani, Naib Canselor USIM yang menzahirkan penghargaan atas penganjuran wacana ini sebagai usaha memartabatkan legasi tokoh akademik yang telah banyak menyumbang kepada wacana keilmuan dan pembangunan modal insan. Beliau turut menekankan komitmen USIM dalam menyokong usaha pemerkasaan dakwah dan penyelidikan berteraskan ilmu berintegrasi.

Majlis ini juga telah dirasmikan oleh YB Senator Dr. Zulkifli Hasan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), yang menyeru agar tokoh-tokoh ilmunan seperti Almarhum terus dijadikan rujukan dalam memperkukuh pendekatan dakwah berkesan dan berwibawa pada peringkat nasional.



MAJLIS MENGENANG JASA ALMARHUM PROF. DATO' DR. MUHAMMAD NUR MANUTY



BANGI, 11 DISEMBER 2025

– Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) menganjurkan Majlis Mengenang Jasa dan Sumbangan Almarhum Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty, Pengerusi IKIM yang kelima, dalam satu majlis penuh penghormatan yang berlangsung di Hotel Tenera, Bangi pagi ini. Program bermula dari jam 9.00 pagi hingga 1.00 tengah hari itu disertai pelbagai tokoh akademik, pemimpin masyarakat serta sahabat-sahabat seperjuangan beliau dari pelbagai generasi.

Majlis ini diadakan khusus untuk menzahirkan penghargaan terhadap sumbangan besar Almarhum dalam memartabatkan peranan IKIM sebagai pusat pemikiran Islam yang berwibawa, di samping memperingati legasi dakwah, keilmuan dan perjuangan beliau yang telah merentasi lebih lima dekad.

MESYUARAT SUA & PSUA WAP

GOMBAK, 15 DISEMBER 2025 - Mesyuarat SUA dan PSUA WADAH, ABIM DAN PKPIM (WAP) telah diadakan pada 15 Disember 2025 di pejabat Prima Sri Gombak. Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan isu-isu berkaitan pengurusan dan operasi WAP, termasuk perancangan aktiviti, penyelarasan tugas, serta penambahbaikan prosedur sedia ada. Kehadiran semua pihak yang terlibat memastikan perbincangan dapat dijalankan dengan lancar dan objektif mesyuarat dapat dicapai.



MESYUARAT INDUK MAKTAB (MAJLIS KADERISASI DAN TARBIYAH) WADAH, ABIM DAN PKPIM



KUALA LUMPUR, 16 DISEMBER 2025 -

Mesyuarat Induk Maktab (Majlis Kaderisasi dan Tarbiyah) WADAH, ABIM dan PKPIM telah diadakan pada 16 Disember 2025 bertempat di Outreach Oasis, Bukit Bintang. Mesyuarat ini dijalankan bagi membincangkan perkara-perkara penting yang berkaitan dengan pengurusan dan operasi maktab, termasuk perancangan program, penyelarasan aktiviti, serta penambahbaikan sistem sedia ada. Kehadiran dan penglibatan semua pihak yang berkepentingan telah memastikan perbincangan berjalan dengan lancar dan objektif mesyuarat dapat dicapai.

PUTRAJAYA, 28 DISEMBER 2025 — Pendekatan hikmah dalam penyampaian ajaran Islam terus ditekankan sebagai asas penting dalam membina perpaduan ummah menerusi peng-anjuran Forum Masyarakat Madani: Menolak Ketaasuban, Mempromosi Hikmah, yang dijadual berlangsung pada 28 Disember 2025 di Dewan Nasyrul Quran, Presint 14, Putrajaya. Forum ini juga merupakan anjuran bersama beberapa NGO Islam iaitu IKRAM, ABIM, WADAH serta HALUAN.

Sebelum sesi forum dimulakan, Presiden IKRAM iaitu Hj. Badlishah Sham Baharin telah menyampaikan ucap-tama yang memfokuskan tentang dakwah bilhikmah serta membincang-kan isu krisis umat yang berlaku pada masa kini sehingga Masyarakat berpecah, negara tegang dan rakyat semakin hi-lang sabar. Beliau juga turut menjelaskan kepentingan konsep Asas Islam Rahmah (AISAR) kepada para peserta yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan.

Mengangkat tema “Menolak Ketaasuban, Mempromosi Hikmah melalui Asas Islam Rahmah (AISAR)”, forum ini menekankan keperluan menyampaikan agama secara mendidik, berteras-kan kebijaksanaan dan kasih sayang, tanpa mengabaikan ke-tegasan terhadap prinsip.

Forum tersebut telah menampilkan beberapa panel ber-pengalaman daripada pelbagai latar belakang gerakan Islam dan akademik, antaranya Ustaz Hasri bin Harun selaku Timbalan Presiden WADAH yang menerangkan tentang ba-gaimana ketaksuban boleh memesong maqasid yang memberi kesan kepada akal, nyawa dan agama. Seterusnya, Prof Dr Solehudin Shuib, Timbalan Presiden HALUAN turut menekan-kan bahawa ahli-ahli profesional seperti jurutera, doktor dan lain-lain juga mesti mempunyai fikrah Islamiyah dan pemikiran yang syumul (menyeluruh). Sdr. Mohamad Saifuddin Abdul Latiff se-laku Timbalan Presiden ABIM juga telah memberi perkongsian tentang tanda-tanda awal ketaksuban antaranya ialah emosi mendahului hujah yang memberi kesan yang negatif. Sesi fo-rum ini telah dikendalikan oleh Ustaz Nu'man Hani Jamal, JK Pusat IKRAM selaku moderator.

Akhir sekali, penganjur berharap forum ini dapat menjadi plat-form dialog yang matang dan inklusif, sekaligus menyemai budaya hikmah dalam beragama, menolak sikap taksub ser-ta mengukuhkan nilai perpaduan dalam kalangan masyarakat madani.

FORUM MASYARAKAT MADANI SERU PENDEKATAN HIKMAH DALAM PENYAMPAIAN ISLAM



Lensa

LENSA MUKTAMAR NASIONAL WADAH KE-19 (MUKNAS19)



Lensa



MISI SUMUD FLOTILLA: BANTAH PENAHANAN, SERUAN KEAMANAN, TOLAK SEKATAN, HENTIKAN GENOSID

02 OKTOBER 2025

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) mengikuti dengan penuh keprihatinan perkembangan Misi Sumud Flotilla yang kini telah memasuki kawasan red zone dan ada yang telah ditahan termasuk 12 orang sukarelawan warga Malaysia.

WADAH menegaskan pendirian berikut:

1 Kutukan Terhadap Pencerobohan dan Penahanan – WADAH mengutuk sekeras-kerasnya tindakan Israel yang menceroboh flotilla dan menahan para sukarelawan. Kami menuntut agar semua yang ditahan, termasuk warga Malaysia, dibebaskan serta-merta tanpa syarat, di samping dijamin keselamatan dan hak mereka sebagai misi kemanusiaan antarabangsa.

2 Kemanusiaan dan Keamanan – Flotilla ini adalah misi keamanan global, membawa mesej solidariti dan bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin yang terkepung di Gaza. Ia sama sekali tidak membawa sebarang ancaman ketenteraan.

3 Menghalang Bererti Membenarkan Genosid – Sebarang tindakan Israel menghalang flotilla ini adalah sama dengan memberi laluan kepada berterusannya genosid terhadap rakyat Palestin. Menghalang bantuan makanan, ubatan, dan sokongan moral adalah satu jenayah kemanusiaan yang tidak boleh diterima sama sekali.

4 Lautan Antarabangsa Adalah Kawasan Bebas – Misi ini berlayar melalui ruang laut antarabangsa yang bebas, dan sebarang bentuk sekatan atau serangan Israel adalah pelanggaran undang-undang antarabangsa, kedaulatan maritim, dan hak asasi manusia.

5 Keberanian Rakyat dalam Misi Sumud – Mereka yang berada dalam flotilla adalah insan berani yang mengambil risiko tinggi demi memecahkan tembok kepungan kejam oleh regim Zionis. Tindakan mereka adalah simbol ketabahan (sumud) rakyat dunia menentang kezaliman dan menegakkan keadilan.

SERUAN BEBASKAN PENAHANAN

Seruan kepada Dunia Antarabangsa – WADAH menyeru PBB, OIC, Liga Arab, ASEAN, Kesatuan Eropah serta semua negara berperikemanusiaan untuk:

1. Menjamin keselamatan flotilla ini daripada serangan Israel.
2. Menghentikan sekatan tidak berperikemanusiaan ke atas Gaza.
3. Mengiktiraf misi flotilla sebagai usaha sah di bawah prinsip undang-undang antarabangsa.
4. Memohon negara asal sukarelawan terlibat menghantar bantahan rasmi terhadap penahanan dan segera menggerakkan bantuan diplomatik.

Komitmen Malaysia dan WADAH – WADAH menyokong penuh pendirian tegas YAB Perdana Menteri Malaysia yang lantang memperjuangkan isu Palestin di pentas dunia. Kami juga menggesa rakyat Malaysia agar terus berdiri teguh bersama Palestin dengan doa, sokongan moral, serta mobilisasi solidariti kemanusiaan.

WADAH menegaskan bahawa perjuangan flotilla ini bukan hanya tentang membawa bantuan, tetapi tentang meruntuhkan tembok kezaliman, membela hak rakyat Palestin, dan menegakkan maruah kemanusiaan sejagat.

“Menghalang flotilla adalah menghalalkan genosid. Membiarkan flotilla mara adalah membuka ruang kepada keamanan.”

AZIZUDDIN AHMAD,
Setiausaha Agung,
Wadah Pencerdasan Umat Malaysia
(WADAH)

WADAH: BELANJAWAN 2026 MALAYSIA MADANI MENANDAKAN KEBANGKITAN DAN PEMBAHARUAN NASIONAL BERTERASKAN KEADILAN SOSIAL DAN NILAI INSANI

11 OKTOBER 2025

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) menyambut baik dan menyokong penuh pembentangan Belanjawan 2026 Malaysia MADANI (Rang Undang-Undang Perbekalan 2026) oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan di Dewan Rakyat semalam.

1 Belanjawan kebangkitan nasional yang berpaksikan masalah rakyat

WADAH menegaskan bahawa Belanjawan MADANI Keempat ini adalah saksi bahawa negara sedang memilih jalan kebangkitan dan pembaharuan nasional (national rejuvenation) yang menyeluruh.

Ia bukan sekadar dokumen fiskal tahunan, tetapi manifestasi keazaman kerajaan untuk membina semula Malaysia berdasarkan prinsip masalah rakyat, keadilan sosial dan amanah tadbir urus. Langkah-langkah berani seperti penyasaran subsidi, pengukuhan perkhidmatan awam, dan reformasi fiskal melalui Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA) adalah tindakan proaktif dan berpandangan jauh, membawa negara kembali ke landasan ekonomi yang mampan dan berprinsip, tanpa mengabaikan keperluan rakyat terbanyak.

2 Komitmen memperkukuh tatakelola dan integriti nasional

WADAH memuji komitmen kerajaan untuk memperkukuh tatakelola, integriti dan kecekapan birokrasi melalui pendekatan digitalisasi sistem seperti e-Invois, MyDigital ID dan RUU Perolehan Kerajaan. Langkah-langkah ini akan mempercepat penyampaian, menutup ruang ketirisan, dan memulihkan keyakinan rakyat terhadap kejujuran kerajaan.

WADAH turut menyambut baik usaha memperkasa agensi penguatkuasaan seperti SPRM, PDRM dan JKDM dengan peruntukan

tambahan bagi menegakkan urustadbir bersih dan bebas rasuah. Ini menggambarkan bahawa reformasi moral dan institusi kini menjadi tunjang pembinaan semula negara.

3 Keutamaan kepada rakyat dan golongan rentan

Belanjawan ini juga menunjukkan keutamaan sebenar kepada rakyat — terutama melalui Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) bernilai RM15 bilion kepada lebih 9 juta penerima. Langkah penyasaran subsidi yang lebih tepat akan memastikan setiap sen wang rakyat dimanfaatkan untuk mereka yang benar-benar memerlukan.

Pendekatan ini adalah penterjemahan prinsip keadilan Islam dan ihsan sosial, bukan hanya memberi bantuan sementara, tetapi memberdaya rakyat agar berupaya berdikari dan meningkatkan maruah diri.

4 Memperkasa pendidikan, agama dan nilai insani

WADAH menyambut baik penekanan terhadap pendidikan dan pembangunan rohani, termasuk peruntukan RM66.2 bilion untuk pendidikan dan RM2.6 bilion bagi memperkukuh syiar Islam. Langkah menaik taraf tahfiz, pondok, madrasah dan sekolah agama rakyat membuktikan bahawa kerajaan mengiktiraf pentingnya pembangunan insan berasaskan ilmu dan akhlak sebagai asas kemajuan negara.

5 Peranan masyarakat madani dan NGO

WADAH menghargai pengiktirafan terhadap pertubuhan masyarakat sivil/madani dan NGO Islam sebagai rakan strategik dalam pelaksanaan dasar sosial, khususnya melalui Program Ikhtiar MADANI untuk Rakyat. Kerjasama antara kerajaan dan masyarakat sivil/madani akan memastikan belanjawan ini benar-benar sampai ke akar umbi dan membuahkan impak sosial yang nyata.

6 Peneguhan budaya damai dan perpaduan

WADAH turut menyokong seruan Perdana Menteri agar nilai perpaduan, hormat dan budaya damai terus disemai dalam masyarakat majmuk Malaysia.

Pendekatan Fiqh Ta'ayush — hidup damai dalam kepelbagaian — perlu diterjemah dalam dasar pendidikan, media dan pembangunan komuniti, agar Malaysia kekal sebagai negara beradab, aman dan bersatu dalam kepelbagaian.

PENUTUP

WADAH yakin bahawa Belanjawan MADANI Keempat Tahun 2026 hanya akan memberi makna sebenar dan dapat direalisasikan untuk rakyat jika wujud komitmen bersama daripada semua pihak — merentas parti politik, agensi kerajaan, pertubuhan NGO, sektor swasta serta pelbagai kaum dan agama — untuk bersatu padu menjayakannya demi kepentingan negara dan rakyat Malaysia keseluruhannya. Tiada dasar yang akan berjaya tanpa penghayatan bersama terhadap semangat kebersamaan dan tanggungjawab kolektif. Justeru, WADAH menyeru seluruh rakyat agar menzahirkan kesatuan hati dan tekad nasional bagi memastikan setiap agenda MADANI diterjemah dalam tindakan, bukan hanya slogan. Inilah waktu untuk kita bangkit sebagai satu bangsa Malaysia yang berjiwa ihsan, berilmu dan berintegriti, demi Malaysia yang lebih makmur, beradab dan sejahtera untuk generasi akan datang.

**DATO' AHMAD
AZAM AB RAHMAN**
Presiden,
Wadah Pencerdasan
Umat Malaysia
(WADAH)

ISU PESTA GAY & KEPERLUAN ILTIZAM PENGISLAMAN SERTA PENGISLAHAN UNDANG- UNDANG MORALITI DI PERINGKAT PERSEKUTUAN

01 DISEMBER 2025

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) menzahirkan kebimbangan dan penegasan tegas berhubung penganjuran pesta gay dan apa jua aktiviti yang mencabar tatasusila, adab serta nilai moral masyarakat Malaysia yang berasaskan Islam sebagai agama Persekutuan.'

1 Perlunya Kerangka Moral di Peringkat Persekutuan yang Lebih Tegas dan Seragam

WADAH berpendirian bahawa isu berkaitan moraliti awam, perlakuan songsang, dan pencabulan adab sosial tidak memadai untuk ditangani hanya melalui undang-undang Syariah negeri. Perbezaan struktur kuasa antara negeri dan Persekutuan sering dimanipulasi oleh pihak tertentu untuk menganjurkan aktiviti yang menjejaskan institusi keluarga dan akhlak masyarakat.

Sehubungan itu, WADAH menegaskan bahawa sudah sampai waktunya untuk:

- Persekutuan memperkukuh iltizam Islamisasi dan Islah undang-undang moraliti,
- Mewujudkan keselarasan undang-undang antara Persekutuan dan negeri,
- Menyediakan mekanisme perundangan yang lebih jelas, menyeluruh dan efektif untuk mencegah aktiviti yang bercanggah dengan nilai fitrah manusia.

Kerangka moral yang kukuh di peringkat Persekutuan akan melengkapkan, bukan menggantikan, peranan negeri dalam memelihara agama dan akhlak masyarakat.

2 Dakwah Perlu Bergerak Lebih Pantas daripada Penguatkuasaan Undang-Undang

WADAH menegaskan bahawa undang-undang tidak boleh menjadi pendekatan tunggal untuk membina masyarakat yang bermaruah. Pengislahan undang-undang adalah penting, namun pengislahan manusia mesti bergerak lebih awal dan lebih laju.

WADAH menekankan bahawa:

- Dakwah, tarbiyah dan pendidikan akhlak mesti diperkasa dan diperluaskan dengan kadar yang lebih cepat daripada usaha perundangan.

- Pembinaan kefahaman, kesedaran dan kekuatan spiritual adalah asas perubahan sosial yang sebenar.
- Masyarakat perlu diperkukuh dengan ilmu, hikmah dan panduan, bukan hanya ketakutan kepada hukuman.

Menyediakan mekanisme perundangan yang lebih jelas, menyeluruh dan efektif untuk mencegah aktiviti yang bercanggah dengan nilai fitrah manusia.

WADAH komited memacu usaha dakwah, pendidikan masyarakat, advokasi sosial serta pembangunan keluarga sebagai usaha jangka panjang membina masyarakat berakhlak dan berprinsip.

3 Seruan Kepada Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Semua Pihak Terkait

WADAH menyeru:

1. Kerajaan Persekutuan untuk menilai dan mengemas kini kerangka undang-undang berkaitan moraliti awam agar lebih selari dengan realiti semasa dan selaras dengan prinsip Islam sebagai agama Persekutuan.
2. Kerajaan-kerajaan negeri dan institusi agama untuk memperkukuh kerjasama dalam pendidikan moral, pencegahan sosial dan penguatkuasaan berhemah.
3. Masyarakat sivil, ibu bapa, institusi pendidikan dan belia untuk bersama memelihara identiti moral negara daripada gejala yang merosakkan struktur keluarga dan nilai fitrah.

WADAH akan terus memperjuangkan agenda amar ma'ruf nahi munkar melalui pendidikan, dakwah berstrategi, advokasi masyarakat dan kerjasama konstruktif dengan semua pihak demi kesejahteraan umat dan negara.

AZIZUDDIN AHMAD,
Setiausaha Agung
Wadah Pencerdasan Umat Malaysia
(WADAH)

USAHA MEMPERKASA KOMUNITI OKU: WADAH METERAI KERJASAMA STRATEGIK BAGI MENGANGKAT AGENDA DISABILITY INCLUSION DI MALAYSIA

05 DISEMBER 2025

Bersempena sambutan Hari OKU Sedunia, WADAH menegaskan komitmen berterusan dalam memperkasa agenda *Disability Inclusion*, meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu OKU serta membudayakan nilai empati dalam komuniti. Bagi menggerakkan usaha ini, WADAH telah memeterai hubungan strategik bersama Pertubuhan Kebangsaan Advokasi Pendidikan dan OKU Sejahtera.

Kerjasama ini memberi ruang kepada pelaksanaan program latihan, advokasi masyarakat, penyelidikan serta kempen kesedaran yang memperkukuh budaya *Disability Inclusive Leadership* seperti yang dipraktikkan oleh Rasulullah SAW lebih 1400 tahun dahulu yang berteraskan rahmah, keadilan dan pemeraksanaan golongan rentan.

Melalui kerjasama ini, WADAH menekankan pembangunan kepimpinan inklusif yang mengangkat peranan, suara dan potensi komuniti OKU dalam masyarakat. Konsep Disability Inclusive Leadership yang diketengahkan bukanlah satu pendekatan baharu, sebaliknya ia berakar daripada kepimpinan Rasulullah SAW yang sentiasa menunjukkan empati, mendengar keperluan golongan kelainan upaya dan memberikan mereka ruang serta tanggungjawab dalam pembangunan masyarakat. Nilai kepimpinan berasaskan ihsan dan rahmah inilah yang ingin WADAH hidupkan kembali agar ia menjadi budaya arus perdana dalam pembinaan masyarakat Malaysia.

Selaras dengan kerangka DASAR MADANI yang menekankan kesejahteraan rakyat, ekonomi berperikemanusiaan dan pembentukan masyarakat penyayang, WADAH percaya bahawa agenda pemeraksanaan OKU perlu diperkukuh di semua peringkat. Budaya empati OKU dan prinsip ihsan yang dipraktikkan pada zaman Rasulullah SAW wajar dijadikan asas dalam membina ekosistem masyarakat MADANI hari ini. Dengan mengangkat nilai keberpihakan kepada golongan rentan, Malaysia bukan sahaja dapat membentuk masyarakat inklusif, malah menjadikan perbezaan sebagai sumber kekuatan dalam memacu perpaduan dan keharmonian.

AZIZUDDIN AHMAD,

Setiausaha Agung,
Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH)

WADAH UCAP TAHNIAH KABINET KERAJAAN MADANI: INTEGRITI, REFORMASI & AMANAH RAKYAT

17 DISEMBER 2025

Persatuan Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) merakamkan ucapan tahniah kepada YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, atas pengumuman saf kepimpinan baharu Kabinet Kerajaan MADANI, sebagai langkah penting dalam memperkukuhkan keupayaan pentadbiran negara.

1 Amanah dan Tanggungjawab Menggalas Hasrat Rakyat

WADAH menegaskan bahawa pelantikan sebagai anggota Kabinet bukan sekadar jawatan pentadbiran, tetapi amanah besar untuk membawa suara, keperluan dan harapan rakyat. Para menteri digesa agar turun ke lapangan, menyelami denyut nadi rakyat, dan memastikan setiap dasar yang digubal benar-benar berteraskan realiti kehidupan masyarakat.

2 Integriti sebagai Teras Kepimpinan MADANI

WADAH berharap barisan Kabinet baharu menjadikan integriti, akauntabiliti dan ketelusan sebagai nilai teras dalam pentadbiran. Kepercayaan rakyat hanya dapat dipulihkan dan diperkukuhkan melalui kepimpinan yang berani menolak salah guna kuasa, rasuah serta budaya politik lama yang merosakkan institusi negara.

3 Pelantikan Tepat Pada Masanya untuk Mempercepat Reformasi

Pembentukan semula Kabinet ini dilihat tepat pada masanya (timely) bagi memperkukuhkan jentera kerajaan, mempercepat pelaksanaan reformasi institusi, serta memperkemas penyampaian dasar dan perkhidmatan awam agar lebih cekap, berkesan dan berimpak tinggi.

4 Pasukan Kukuh Mendukung Tugas Perdana Menteri

WADAH berharap Kabinet baharu ini dapat berfungsi sebagai satu pasukan yang bersatu, mantap dan saling melengkapi, bagi membantu YAB Perdana Menteri memikul tanggungjawab besar memimpin negara dalam suasana global dan domestik yang mencabar.

5 Masa Terhad, Amanah Besar

WADAH mengingatkan bahawa para menteri yang dilantik kini berdepan tempoh masa yang singkat untuk memperbaiki kelemahan, memperkukuh dasar dan merealisasikan agenda Malaysia MADANI. Justeru, amanah yang diberikan oleh Perdana Menteri ini tidak harus disia-siakan, sebaliknya dimanfaatkan sepenuhnya dengan tindakan yang berani, berfokus dan berkesan.

6 Memperkukuh Kerjasama Strategik dengan NGO dan Masyarakat Sipil

WADAH menyeru agar kementerian-kementerian memperkukuh kerjasama strategik dengan NGO, badan masyarakat sivil dan gerakan dakwah, khususnya dalam aspek pembangunan insan, kesejahteraan sosial, pendidikan nilai, perpaduan dan pengukuhan moral masyarakat — selari dengan roh Malaysia MADANI.

7 Memberi Ruang dan Peluang kepada Kepimpinan Baharu

WADAH turut menyeru rakyat Malaysia agar memberi ruang, peluang dan sokongan yang wajar kepada barisan menteri baharu untuk melaksanakan tugas mereka. Kritikan yang membina, sokongan berprinsip dan keterlibatan masyarakat amat penting bagi memastikan kejayaan bersama.

Penutup

WADAH berdoa agar barisan Kabinet Kerajaan MADANI ini diberikan kekuatan, kebijaksanaan dan keikhlasan dalam memikul amanah, demi menjamin kesejahteraan rakyat, kestabilan negara dan kelangsungan agenda reformasi menuju sebuah Malaysia MADANI yang adil, berdaya tahan dan berperikemanusiaan.

"Amanah dipikul, rakyat dibela, negara dimartabatkan."

DATO AHMAD AZAM ABD RAHMAN
Presiden WADAH.



SEMINAR INSPIRASI WANITA MADANI : **MENYULAM PERADABAN UMMAH**

TARIKH : 04 Oktober 2025 | Sabtu
MASA : 08.00 Pagi – 04.30 Petang
TEMPAT : Hotel Park Royal@Uniten, Bangi

PADA 4 OKTOBER 2025, bertempat di Royal Park Hotel, UNITEN, telah berlangsung Seminar bersempena persidangan Majlis Perwakilan SALWA Kebangsaan (MPSK) 2025 dirasmikan oleh YB Senator Dr Zulkifli Hassan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Tiga penceramah telah dijemput menyampaikan ceramah. Kehadiran adalah seramai 150 orang peserta.



MAJLIS MAKAN MALAM INSPIRASI WANITA MADANI

TARIKH : 04 Oktober 2025 | Sabtu
MASA : 08.00 – 10.30 Malam
TEMPAT : Hotel Park Royal@Uniten, Bangi

MAJLIS Makan Malam Inspirasi Wanita Madani: Menyulam Peradaban Ummah bersama tetamu utama Dato Haji Ahmad Azam Ab Rahman, Presiden WADAH.

Bersempena MPSK, turut diadakan Majlis Makan Malam yang menyaksikan buat julung kali, Anugerah Seumur Hidup (ASUH) SALWA diperkenalkan. Seramai 20 orang telah dipilih. SALWA juga turut menganugerahkan Tokoh Dakwah kepada tiga orang tokoh iaitu Hajah Masirah Maslan (Selangor), Hajah Mek@Sharifah Hassan (Kelantan) dan Prof. Dr. Arsiah Bahron (Sabah).

Pada malam tersebut Sahabat SALWA telah dilancarkan bagi menggalakkan penyertaan dan mengumpulkan sukarelawan daripada komuniti dan simpati.





PERSIDANGAN MAJLIS PERWAKILAN SALWA KEBANGSAAN KALI KE-6

TARIKH : 05 Oktober 2025 | Ahad
MASA : 09.00 Pagi – 12.30 Tengah Hari
TEMPAT : Hotel Park Royal@Uniten, Bangi

PERSIDANGAN Majlis Perwakilan SALWA Kebangsaan (MPSK) kali ke-7 telah diadakan di Hotel Royal Park, Kajang. MPSK telah dihadiri oleh 120 orang perwakilan dan pemerhati daripada seluruh negara.

Pengerusi turut menyampaikan pesanan dan menyeru peneguhan peranan SALWA dengan tajuk ucapan Dakwah Dan Kepimpinan SALWA Dalam Era Globalisasi.

Dihadiri oleh 128 perwakilan dan pemerhati daripada 13 negeri.



KULIAH PAGI SALWA RAHMATAN LIL'ALAMIN: NARATIF ISLAM MELAWAN EKSTREMISME

SELANGOR, 08 NOVEMBER 2025 | SABTU – Kuliah Pagi yang berlangsung secara maya di aplikasi Zoom telah disampaikan oleh Dr. Ahmad El-Muhammady dan dihadiri seramai 71 orang ahli SALWA Malaysia. Kuliah ini telah diadakan pada 17 Jamadil Awal 1447H, 7.30 – 8.30 pagi.





KULIAH PAGI

**Rahmatan Lil 'Alamin:
Naratif Islam Melawan
Ekstremisme**

Oleh:
Dr Ahmad El-Muhammady

08.11.2025

SABTU
7.30PG - 8.30PG

ZOOM
MEETING ID: 898 8444 2247
PASSCODE: 810492



SEMINAR INSPIRASI KELUARGA MADANI DARI RUMAH KE NEGARA: MENCAPAI KEHIDUPAN SEIMBANG DAN SEJAHTERA

TARIKH : 13 Disember 2025 | Sabtu
MASA : 07.30 Pagi – 01.00 Tengah Hari
TEMPAT : Sabah International Convention Centre (SICC), Kota Kinabalu

ANJURAN KASIH Malaysia dan SALWA Malaysia. Program ini telah dirasmikan oleh YABhg. Datin Seri Panglima Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Pengerusi KASIH Malaysia. Majlis turut diserikan dengan kehadiran YABhg. Toh Puan Datin Seri Panglima Datuk Hajah Faridah binti Haji Tussin, isteri Yang di-Pertua Negeri Sabah, serta YABhg. Datin Seri Panglima Datuk Hajah Juliah Salag, isteri Ketua Menteri Sabah dan Yang di-Pertua MUTIARA GRS.

Seminar ini berjaya menghimpunkan hampir 780 peserta terdiri daripada wakil agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), ahli akademik serta masyarakat setempat bagi bertukar pandangan dan berkongsi ilmu dalam usaha membina institusi keluarga yang harmoni dalam era digital.

Fokus utama seminar adalah pembinaan keluarga yang sakinah, sejahtera dan harmoni, berlandaskan prinsip Islam serta selari dengan aspirasi Malaysia Madani. Dua slot ceramah telah disampaikan oleh pakar keluarga, Puan Hajah Badariah Ismail dan Puan Hajah Mahanom Basri.

Forum bertemakan “Dari Rumah ke Negara: Mencapai Kehidupan Seimbang dan Sejahtera” menampilkan barisan panel berwibawa iaitu YBhg. Prof. Datuk Dr. Kasim Mansor (Naib Canselor & Penasihat Kelab Surirumah dan Staf Wanita Universiti Malaysia Sabah), YBhg. Datuk Jannie Lasimbang (Pengerusi Korporasi Pembangunan Desa) dan YBhg. Prof. Dr. Arsiah Bahron (Profesor Kehormat UNISEL).



KULIAH ILMU INTERAKTIF : PENGURUSAN HARTA PUSAKA DAN KEWANGAN PROGRAM PEMERKASAAN AKTIVITI WARGA EMAS PAWE@3A (ANYTIME, ANYWHERE, ANYPLACE)

TARIKH : 13 Disember 2025 | Sabtu
MASA : 08.00 – 11.00 Pagi
TEMPAT : Dewan Solat Utama Masjid An-Naim
Kg Jalan Kebun

ANJURAN SALWA Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Panel kuliah ialah Peguam Syarie iaitu Puan Fatiha Nadrah Roslan dan Tuan Ammar Abdul Wahab. Program ini membincangkan tentang proses pusaka, kemahiran merancang kewangan keluarga dan tindakan praktikal untuk elak pertikaian keluarga. Seramai 30 orang peserta yang telah hadir.

PAWE@3A
ANYTIME, ANYWHERE, ANYPLACE
PROGRAM PEMERKASAAN AKTIVITI
WARGA EMAS

KULIAH ILMU INTERAKTIF
PENGURUSAN HARTA PUSAKA & KEWANGAN

FATIHA NADRAH BINTI ROSLAN
PEGUAM SYARIE

AMMAR BIN ABDUL WAHAB
PEGUAM SYARIE

DEWAN SOLAT UTAMA 13 DIS 2025
MASJID AN-NAIM SABTU
KG JALAN KEBUN 8.00PG-11.00PG

TERBUKA KEPADA 150 MUSLIMIN MUSLIMAT

PENDAFTARAN PERCUMA Hubungi kami
Biro Muslimat & Kelab Srikandi Masjid An-Naim 019-3636394

SCAN ME



LATIHAN SUKARELAWAN: ZIARAH HOSPITAL

TARIKH : 13 Disember 2025 | Sabtu
MASA : 09.00 Pagi – 12.30 Tengah Hari
TEMPAT : Hospital Pakar Al Islam, Kg Bharu

ANJURAN bersama Hospital Pakar Al Islam Kg Bharu Kuala Lumpur, Pertubuhan SALWA Malaysia, Pertubuhan SALWA Wilayah Persekutuan dan Ikatan Sukarelawan Dinamik (I-Sudi).

Dimulakan dengan perkongsian daripada Pengarah Hospital Pakar Al-Islam, Dr Ishak Mas'ud dan Ketua SALWA Wilayah Persekutuan, Puan Rohani Mohamad. Antara ilmu yang dipelajari peserta program ialah etika ziarah hospital oleh Pengurus Kejururawatan Hospital Pakar Al-Islam, Puan Suzal Ashima Sulaiman dan asas ibadah serta sokongan pesakit oleh Ketua Jabatan Akademi Hospital Mesra Ibadah (ACADEMY) Hospital Pakar Al-Islam, Ustazah Nurul Aisyah Amir Ramli. Dihadiri seramai 28 orang peserta.

